

12 NOV 1998

APEC-BERITA-OHMAE/ LEAD/I

MAHATHIR NAFI PELETAKAN JAWATAN OHMAE DARIPADA PANEL MSC

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Dr Kenichi Ohmae tidak meletakkan jawatan daripada Panel Penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC) tetapi tidak pasti tentang kedudukan Alvin Toffler.

"Saya tidak tahu Alvin Toffler tetapi saya pasti mengenai Kenichi, beliau tidak meletakkan jawatan," kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran dua model baru Perdana dan Satria oleh Proton, di sini.

Dr Mahathir berkata sebarang peletakan jawatan oleh anggota panel tidak akan menjejaskan projek MSC.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas mengenai satu laporan Far Eastern Economic Review yang menyatakan Dr Ohmae dan Toffler telah meletakkan jawatan kerana pendirian mereka terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Toffler adalah pengarang antara buku terlaris iaitu "The Future Shock" dan "The Third Wave", manakala Ohmae, konsultan teknologi maklumat adalah pengarang buku "The Borderless World".

MSC adalah zon teknologi khas yang terletak di selatan Kuala Lumpur yang dimajukan bagi pengeluaran produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir memberitahu bahawa beliau telah bertemu dengan Dr Ohmae dalam lawatannya ke Jepun baru-baru ini dan ketika itu Dr Ohmae melahirkan kebimbangannya tentang laporan buruk pihak akhbar mengenai Malaysia.

"Dr Ohmae merasakan kita harus perbetulkan imej buruk itu dan beliau akan membantu memperbetulkan perkara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata orang tidak tahu apa sebenarnya berlaku di Malaysia kerana laporan tentang negara ini telah dipesongkan sedikit.

Menyentuh tentang sama ada Toffler akan digantikan jika laporan tentang penarikan dirinya daripada panel tersebut terbukti benar, Perdana Menteri berkata ini bukan soal menggantikan beliau kerana ahli-ahli panel antarabangsa sentiasa duduk dalam panel ini.

"Kita memerlukan kepakaran seberapa ramai orang yang boleh," katanya.

Perdana Menteri berkata kira-kira 36 syarikat boleh dikatakan telah berpindah ke dalam MSC manakala 100 lagi telah menunjukkan minat mereka untuk menyertai projek ini.

Dr Mahathir berkata British Telecoms masih berminat untuk melabur di Malaysia manakala NTT Corp dari Jepun pula akan membina sebuah pusat penyelidikan di sini.

-- BERNAMA

MAM/ARA KY MA